

Koperasi Kariah Masjid mampu jana pendapatan

Kosmo
20/2/2017
ms 19

KUALA LUMPUR - Koperasi Kariah Masjid sesuai dijadikan model gerakan koperasi baharu bagi menjana pendapatan dan membantu penduduk setempat meraih RM1 juta menerusi pelbagai aktiviti ekonomi.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara bidang perniagaan yang boleh diceburi koperasi berkenaan meliputi sektor hartanah, peruncitan, pelancongan, dialisis dan keperluan masyarakat setempat.

"Kita yakin dalam masa terdekat ada Koperasi Kariah Masjid yang mampu mencapai perolehan melebihi RM1 juta dalam pelbagai bidang berdasarkan keperluan masyarakat setempat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Koperasi Kariah Masjid Bukit Indah Ampang Bhd. di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan untuk menubuhkan 1,000 koperasi berasaskan pembangunan termasuk 500 Koperasi Kariah Masjid yang mana setakat ini sudah ada 409 koperasi seumpamanya telah didaftarkan.